

6

KAJIAN PENGAJARAN: PEMBELAJARAN KOSA KATA MELALUI *VISUAL CUES*

.....
Hairani Sani, Ibrizi Ishak, Siti Nurashikin Ajmain & Siti Suhaida Surir
Sekolah Rendah Woodlands

ABSTRAK

Strategi *visual cues* atau bahan visual digunakan untuk pengajaran kosa kata untuk murid-murid Darjah 5. Strategi *visual cues* ini merangsang minat murid dalam pembelajaran yang bersifat kreatif dan sendiri. Penggunaan *visual cues* dapat membantu murid mengaitkan gambar dengan kosa kata yang pelbagai. Murid juga dapat mengenal pasti dan membezakan penggunaan kosa kata yang seiras untuk disesuaikan dalam ayat mengikut konteks. Kami menjalankan Kajian Pengajaran untuk menilai keberkesanan strategi pengajaran ini di bilik darjah. Melalui proses Kajian Pengajaran yang dijalankan selama sebulan ini, kami mendapati strategi ini mengasah kemahiran murid mengaitkan kosa kata dengan gambar sekali gus meningkatkan penguasaan kosa kata dan menggunakannya dalam ayat.

Pengenalan

Pembelajaran kosa kata yang menggunakan *visual cues* ini tertumpu kepada pencapaian murid Tahap Dua yang terdiri daripada 34 murid dalam lingkungan 10 hingga 11 tahun. Melalui tinjauan mengenai profil murid, guru mendapati bahawa 45% daripada mereka menggunakan bahasa Melayu dan 48% menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu manakala 6% menggunakan bahasa Inggeris sahaja di rumah.

Secara purata, murid mempunyai masalah menggunakan kosa kata yang pelbagai dalam penulisan. Murid juga mempunyai perbendaharaan kata yang amat terhad dan tidak dapat mengaplikasikan penggunaan kata seerti atau seiras dalam penulisan. Murid juga tidak dapat membezakan penggunaan perkataan yang seiras dalam situasi yang berbeza.

Tujuan

Oleh itu, guru-guru Darjah 5 bergabung tenaga dan melakarkan satu rancangan pengajaran yang menggunakan strategi bahan visual untuk merangsang murid dalam pembelajaran kosa kata. Tujuan pengajaran yang dirancang bersama ini, adalah agar murid dapat mengembangkan perbendaharaan kata melalui percikan kata, kemudian mengenal pasti perkataan yang seerti atau seiras dan akhir sekali menggunakan perkataan itu dalam situasi yang sesuai.

Murid dikehendaki membina ayat menggunakan perkataan 'sedih', 'muram', 'pilu', 'sugul' dan 'sayu' dalam ujian diagnostik. Mereka membina ayat berdasarkan pemahaman sedia ada dan penerangan ringkas yang guru berikan. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, kebanyakan murid tidak dapat membina ayat yang menunjukkan dengan jelas makna perkataan 'muram', 'pilu', 'sugul' dan 'sayu'. Murid juga tidak dapat menerapkan penggunaan perkataan-perkataan ini dalam situasi yang tertentu.

Kajian Lepas

Menurut kajian yang dijalankan di *Baylor College of Medicine in Houston and the City College of New York*, bahan visual membantu seseorang menggarap dan memahami maklumat enam kali ganda lebih baik.

“New research from Baylor College of Medicine in Houston and the City College of New York shows that the visual information you absorb when you see can improve your understanding of the spoken words by as much as sixfold.”

(Mar, 2009)

Suzanne Stokes, dalam kertas kerja beliau menyatakan bahawa murid menunjukkan peningkatan dalam markah ujian yang menggunakan teks dan grafik.

“However, learners as a whole showed more improvement in test scores when using the text-plus-graphic format.”

(Feb, 2010)

Kaedah Kajian

Kajian Pengajaran

Berdasarkan bahan-bahan rujukan tersebut, kami yakin akan keberkesanan bahan visual sebagai wadah untuk membantu murid mengaitkan bahan visual dengan makna perkataan. Di samping itu penggunaan bahan visual dapat membantu murid meluaskan perbendaharaan kata.

Oleh itu, strategi ini digunakan untuk menarik minat murid untuk mempelajari kosa kata. Satu kumpulan kajian yang terlibat dalam Kajian Pengajaran telah dibentuk. Dalam Kajian Pengajaran ini, seorang guru menjalankan pengajaran dan aktiviti yang telah dirancang bersama itu manakala guru yang lain memantau respons dan proses pemikiran murid. Melalui pemantauan yang teliti, keberkesanan strategi pengajaran yang digunakan dapat dinilai.

Pengajaran Kosa Kata Menggunakan Visual Cues

Setelah berbincang dan membuat rancangan pengajaran bersama-sama, guru menjalankan rancangan pengajaran itu di kelas yang telah dipilih. Guru yang menjalankan pengajaran memulakan dengan bahagian induksi. Dia menunjukkan gambar kartun *Shrek* dan berbincang dengan murid kata adjektif yang berkaitan dengan gambar tersebut. Murid dipilih secara rambang untuk menyumbangkan idea mereka.

Seterusnya, dalam aktiviti yang pertama, guru memberi murid sekeping gambar untuk merangsang murid menjana percikan kata adjektif yang berkaitan dengan gambar itu. Berpandukan gambar tersebut, murid menulis kosa kata yang sesuai. Aktiviti ini dilakukan secara berkumpulan untuk memastikan setiap murid mendapat peluang untuk menjana sekurang-kurangnya satu idea.

Kemudian, setiap kumpulan berkongsi sekurang-kurangnya satu perkataan bersama kelas. Setelah selesai membina percikan kata bersama kelas, guru menyuruh murid mengenal pasti perkataan yang tergolong dalam kumpulan yang sama. Dalam konteks Kajian Pengajaran yang kami jalankan ini, murid mengenal pasti perkataan 'sedih', 'hiba' dan 'pilu' sebagai perkataan yang tergolong dalam kumpulan yang sama.

Guru pun menjurus kepada perkataan 'sedih'. Guru memulakan aktiviti berkumpulan yang kedua. Murid menuliskan kata adjektif yang seerti atau seiras dengan perkataan 'sedih'. Murid perlu membina roda perkataan, iaitu memberikan kata seerti atau seiras dengan perkataan 'sedih' dan menyertakan maknanya sekali. Setiap kumpulan dibenarkan menggunakan Kamus Dewan atau Kamus Pelajar untuk membantu mereka mencari makna perkataan serta menjana lebih banyak kata seerti.


Guru memilih beberapa kumpulan untuk mempersembahkan dapatan mereka. Guru meminta murid yang lain menyumbangkan perkataan yang tidak disebutkan oleh kumpulan yang telah membuat pembentangan. Setelah guru mendapatkan semua perkataan yang seiras dengan perkataan 'sedih', guru meminta murid membezakan makna 'sedih' dan 'pilu'. Guru menggunakan strategi *modelling* untuk menunjukkan gambar dua situasi yang menggambarkan penggunaan perkataan sedih dan pilu. Kemudian, murid menyelesaikan aktiviti yang terakhir, iaitu melukis satu situasi yang sesuai untuk menggambarkan penggunaan perkataan 'sedih' dan 'pilu'.

Pembelajaran Koperatif dalam Pengawalan Kelas

Guru menggunakan strategi Pembelajaran Koperatif sebagai strategi mengawal kelas. Murid memegang peranan sebagai ketua kumpulan, pencatat, penjaga masa dan penjaga disiplin. Guru juga menggunakan sistem mata untuk mengawal disiplin kelas.


Dapatan Kajian

Melalui ujian diagnostik yang dijalankan sebelum murid melalui pembelajaran kosa kata menggunakan strategi ini, guru mendapati bahawa kebanyakan murid hanya dapat membina ayat untuk perkataan 'sedih'. Mereka tidak dapat membina ayat yang menunjukkan makna 'muram', 'pilu', 'sugul' dan 'sayu' dengan jelas.



Rajah 1: Ujian Diagnostik

Setelah melalui pembelajaran kosa kata dengan menggunakan bahan visual, kami mendapati bahawa murid lebih yakin membina ayat menggunakan perkataan 'sedih', 'muram', 'pilu', 'sugul' dan 'sayu'. Murid juga menyertakan situasi untuk menonjolkan makna perkataan tersebut.



Rajah 2: Ujian Pascapembelajaran

Komen Guru Pemantau

Secara keseluruhan, guru pemantau berpendapat bahawa murid sudah mempunyai pengetahuan sedia ada yang kukuh mengenai kata adjektif dan perkara ini membuat pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Murid juga selesa menggunakan kamus sehingga tiada kegenjotan dalam aktiviti mencari makna perkataan.

Guru pemantau berpendapat bahawa murid terlibat secara aktif. Gambar yang diberikan merangsang minat murid dan memudahkan mereka memberikan kata adjektif yang berkaitan. Murid juga teruja untuk menggunakan kamus bagi mendapatkan lebih banyak kata seiras dan seerti selain mendapatkan makna perkataan. Pembelajaran berjalan dengan lancar kerana semua murid terlibat dalam pencarian makna perkataan. Guru pemantau juga menyatakan bahawa pembelajaran secara bekerjasama wujud dan murid tertumpu pada tugas yang perlu diselesaikan dalam masa yang ditentukan. Penggunaan Pembelajaran Koperatif memastikan setiap murid menjalankan peranan yang mereka pegang lantas membuat pembelajaran lebih efektif dan efisien. Guru pemantau juga mendapati bahawa penggunaan visual membantu murid mengenal pasti situasi yang guru terangkan secara verbal. Lukisan yang murid siapkan dalam aktiviti terakhir pula menggambarkan dengan jelas pemahaman murid terhadap perbezaan penggunaan kosa kata.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, objektif kajian telah berjaya dicapai, iaitu meluaskan perbendaharaan kata menggunakan kata seerti dan seiras serta menggunakan kosa kata tersebut dalam ayat. Dengan adanya *visual cues*, murid lebih gemar mempelajari kosa kata. Murid juga dapat menggunakan perkataan-perkataan yang telah dipelajari oleh mereka ini dalam penulisan yang bersifat deskriptif. Murid dapat menerapkan penggunaan kata seerti apabila menuliskan satu perenggan yang berkaitan dengan perasaan 'sedih'. Kini, guru-guru menggunakan *visual cues* yang berbagai-bagai dalam pengajaran untuk menarik minat dan merangsang pelibatan murid.

Rujukan

Suzanne F. Peregroy & Owen F. Boyle. (2008). *Reading, Writing and Learning in ESL*. United States of America: Pearson Education Inc.

Suzanne Stokes. *Visual Literacy in Teaching and Learning: A Literature Perspective*. Troy State University.

<http://ejite.isu.edu/Volume1No1/pdfs/stokes.pdf>, 10 Feb, 2011.

<http://www.sciencedaily.com/releases/2009/03/090304091326.htm>,

10 Feb, 2011.

Visual Cues Help People Understand Spoken Words. *Science Daily* (Mar. 6, 2009).

Nota
